

21 dulang barang kemas dilarikan sekumpulan lelaki bersenjata

Kebas emas RM1.5j dalam 2 minit

Oleh MALINDA ABDUL MALIK


KUALA LUMPUR - Sebanyak 21 dulang berisi barang kemas yang dianggarkan bernilai RM1.5 juta dilarikan sekumpulan lelaki bersenjata dalam tempoh dua minit di sebuah kedai emas di tingkat bawah Plaza OUG, Jalan Klang Lama di sini semalam.

Dalam kejadian pukul 12.53 tengah hari, empat suspek yang memakai topi keledar, penutup muka serta sarung tangan itu memasuki premis berkenaan dengan bersenjatakan tukul, parang dan pistol sebelum bertindak memecahkan cermin pameran dengan tukul besi.

Berdasarkan rakaman televisyen litar tertutup (CCTV) hadapan premis kedai emas tersebut mendapati, suspek mengambil masa selama dua minit untuk memecahkan cermin pameran dan melarikan barang kemas tersebut.

Difahamkan, anggaran kerugian bernilai RM1.5 juta dan ini merupakan rompakan kedua di premis berkenaan selepas kali pertama berlaku pada tahun 2010.

Ketua Polis Daerah Brickfields, Asisten Komisioner Sharul Othman Mansor berkata,



INILAH kedai emas di Plaza OUG, Jalan Klang Lama yang dirompak sekumpulan lelaki sebelum melarikan 21 dulang barang kemas bernilai RM1.5 juta semalam.

ketika kejadian terdapat dua pekerja wanita di bahagian pameran barang kemas manakala dua lagi pekerja lelaki sedang makan di belakang kaunter.

Selain mereka, seorang pengawal keselamatan yang bertugas di premis itu turut berada di lokasi, kira-kira sembilan meter dari kedai emas terbabit.

Katanya, hasil siasatan mendapati semua suspek memakai

jaket berwarna hijau dan bertopi keledar bertutup penuh memasuki ke premis sebelum salah seorang daripada mereka mengacukan satu objek yang dipercayai pistol ke arah pekerja yang berada dalam premis itu.

"Dalam masa yang sama, suspek lain bertindak memecahkan cermin pameran barang kemas menggunakan tukul dan parang sebelum melarikan 21 dulang ba-



RAKAMAN CCTV menunjukkan sekumpulan lelaki sedang merompak sebuah kedai emas di Plaza OUG.

rang kemas.

"Susulan itu, kesemua mereka melarikan diri menaiki sebuah kereta mewah Mercedes-Benz berwarna hijau yang berada di hadapan pintu masuk Plaza OUG," katanya dalam satu kenyataan di sini semalam.

Menurutnya lagi, siasatan di lokasi menemui sembilan kesan darah dan dua serpihan kaca yang turut mempunyai kesan darah.

"Kita juga sudah mendapatkan rakaman CCTV dari kedai emas itu dan beberapa premis berhampiran bagi membantu siasatan. Semua bukti itu akan dihantar ke Jabatan Forensik untuk dianalisis.

"Siasatan masih dilakukan bagi mengenal pasti suspek dengan kes disiasat mengikut Seksyen 395/397 Kanun Keseksaan kerana melakukan samun berkumpulan bersenjata," ujarnya.

Pemandu maut, kereta rempuh treler tangki minyak



KEADAAN kereta dipandu Muhammad Iskandar yang terperosok di bawah treler tangki minyak selepas terbabit dalam kemalangan di Jalan Jelor-Bachok, Pasir Puteh semalam.

PASIR PUTEH - Pasukan Bomba dan Penyelamat Pasir Puteh mengambil masa kira-kira 52 minit untuk mengeluarkan mayat seorang pemuda yang tersepit di dalam kereta yang merempuh sebuah treler tangki minyak dalam satu kemalangan di Jalan Jelor-Bachok dekat sini semalam.

Dalam kejadian kira-kira pukul 9.30 malam, kereta dipandu mangsa, Muhammad Iskandar Adnan, 20, merempuh bahagian tengah treler yang sedang berhenti untuk mengundur masuk ke sebuah stor minyak masak sebelum disah-

kan meninggal dunia di tempat kejadian.

Ketua Polis Daerah Pasir Puteh, Deputy Superintendan Abdul Rozak Muhammad berkata, ekor kemalangan itu, mangsa yang memandu dari arah Pasir Puteh menghala ke Jelor di sini telah tersepit pada bahagian pemandu kereta berkenaan yang terperosok di bawah treler tangki minyak terbabit.

Katanya, mangsa yang memandu seorang diri berasal dari Kampung Gong Machang Manis, Jelor dipercayai dalam perjalanan pulang ke rumahnya. "Ketika kejadian, mangsa

dipercayai memandu dengan laju hingga menyebabkan dia gagal mengawal keretanya dalam keadaan hujan dan jalan raya licin

Mayat mangsa kemudian dihantar ke Hospital Tengku Anis di sini untuk dibedah siasat. Bedah siasat mendapati, mangsa mati akibat kecederaan parah pada kepala," katanya.

Pemandu treler, Almazani Othman, 45, bagaimanapun tidak mengalami kecederaan dan dibawa ke Jabatan Narkotik, Ibu Pejabat Polis Daerah Pasir Puteh untuk ujian air kencing dan didapati negatif dadah.

Peniaga jual, miliki cecair vape mengandungi nikotin didenda RM1,200

IPOH - Seorang peniaga vape didenda RM1,200 oleh Mahkamah Majistret di sini semalam atas dua kesalahan menjual dan memiliki cecair rokok elektronik itu yang mengandungi nikotin, November tahun lalu.

Majistret Siti Hanum Mohamad Sah menjatuhkan hukuman itu selepas tertuduh, Meor Sukri Meor Osman (**gambar**), 39, mengaku



salah terhadap kedua-dua pertuduhan yang dibacakan jurubahasa mahkamah.

Mengikut **pertuduhan pertama**, Meor Sukri didakwa menjual satu botol plastik berlabel Mango Lassi berisi cecair berwarna kuning yang dikesan mengandungi racun nikotin kepada

Muhammad Syukri Baharuddin, 29, melalui Meor Mohamad

Zakuan Meor Osman, 26, tanpa memiliki lesen di bawah Akta Racun 1952.

Dia didakwa melakukan kesalahan itu di Meru Impian Enterprise, No. 9A, Jalan Ampang Baru 6C, Pusat Perdagangan Ampang Baru di sini pada pukul 3 petang, 5 November 2015.

Bagi **pertuduhan kedua**, Meor Sukri didakwa memiliki 14 botol cecair vape yang dikesan mengandungi racun nikotin un-

tuk tujuan jualan di lokasi dan tarikh yang sama pada pukul 3.20 petang.

Tertuduh didakwa mengikut Seksyen 13(a) dan Seksyen 13(b) Akta Racun 1952 dan boleh dihukum mengikut Seksyen 32(2) akta sama yang memperuntukkan hukuman penjara sehingga setahun atau denda maksimum RM3,000 atau kedua-duanya sekali jika sabit kesalahan. Siti Hanum dalam keputusan-

nya memerintahkan tertuduh didenda RM600 bagi setiap pertuduhan atau penjara tujuh hari sekiranya gagal membayar denda yang ditetapkan. Meor Sukri membayar denda tersebut.

Pendakwaan dikendalikan Pegawai Pendakwa Penguat Kuasa Farmasi Perak, Mohd. Faiz Abdullah Sahimi manakala tertuduh diwakili peguam bela, Ahmad Shamil Azad Abdul Hamid.